



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### MISI BANTUAN PASCA BANJIR KWP BERSAMA KETUA SETIAUSAHA NEGARA DI PEKAN, PAHANG

**16 Januari 2015, Pekan** –Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menggerakkan Misi Bantuan Pasca Banjir bersama-sama YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara di Bukit Kenau, Pekan, Pahang. Seramai 105 orang sukarelawan yang diketuai oleh Datuk Seri Adnan bin Md Ikshan, Ketua Setiausaha KWP melaksanakan kerja-kerja pembersihan adalah di kawasan sekitar Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Bukit Kenau serta mengagihkan barangan bantuan kepada penduduk-penduduk di Kampung Bukit Kenau, Pekan, Pahang.

Barangan bantuan diedarkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat dengan bencana banjir di 10 buah kampung iaitu di Kg. Pulau Manis, Kg Tanjung Pulau, Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Bukit Kenau, Kg. Tebat, Kg. Bunut, Kg. Dato' Keramat, Kg. Ganchong Hulu, Kg. Ganchong Tengah, Kg. Kiambang dan Kg. Tanjung Batu. Kira-kira 550 buah keluarga menerima barangan keperluan dari Misi Bantuan Pasca Banjir KWP ini.

Setiap keluarga menerima set barangan elektrik iaitu periuk nasi, cerek elektrik, dapur gas serta barangan keperluan harian seperti toto, bantal, selimut, tikar, telekung, sejadah, kain batik, kain pelekat, baldi, penyapu, tuala mandi, barang mandian dan makanan yang bernilai RM380.00. Kesemua barangan bantuan tersebut diedarkan terus kepada mangsa-mangsa banjir di Bukit Kenau, Pekan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa serta para sukarelawan.

Misi Bantuan Pasca Banjir KWP ke Pekan, Pahang ini adalah merupakan lanjutan kepada Misi Bantuan Banjir KWP dan Agensi yang telah digerakkan sejak 2 Januari 2015 yang lalu. Misi Bantuan Banjir yang disertai oleh sukarelawan dari KWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Yayasan Wilayah Persekutuan dan Yayasan Kesejahteraan Bandar telah dilaksanakan di Kuala Krai dan Manik Urai, Kelantan

serta Temerloh, Pahang. Misi Bantuan Pasca Banjir KWP ini akan diteruskan lagi ke beberapa kawasan lain iaitu ke Lenggong, Kuala Kangsar, Pasir Salak, Perak, negeri Perlis, Kelantan dan Terengganu dalam masa terdekat ini.

Misi Bantuan Pasca Banjir KWP ke Pekan ini akan dapat memberikan pendedahan kepada warga Kementerian dan Agensi dalam mempertingkatkan dan membangunkan modal insan di kalangan warga kerja KWP dan Agensi. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan mempelajari kaedah pengurusan banjir yang lebih sistematik dan terancang. Pasukan sukarelawan ini akan mendapat pengalaman, pendedahan dan mewujudkan sikap prihatin di kalangan masyarakat untuk berdepan dan menghadapi bencana banjir sekiranya berlaku di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur.

Diharapkan dengan Misi Bantuan Pasca Banjir ini akan dapat meringankan beban mangsa-mangsa banjir serta mengurangkan kesulitan penduduk dalam membersihkan tempat-tempat kediaman dan kawasan awam yang terlibat dengan bencana banjir.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan

16 Januari 2015  
PEKAN, PAHANG